

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 16, 2019 11:52 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Strategi Penukaran Tesis Kepada Buku Ilmiah Tingkatkan Pasaran Buku Rujukan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 MEI 2019 / 11 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: UUM Press

BENGKEL STRATEGI PENUKARAN TESIS KEPADA BUKU ILMIAH TINGKATKAN PASARAN BUKU RUJUKAN



UUM ONLINE: Sebanyak 29 manuskrip karya ilmiah berjaya dihasilkan pada Bengkel Strategi Penukaran Tesis kepada Buku Ilmiah anjuran UUM Press yang diadakan di Hotel HIG Langkawi, baru-baru ini.

Manuskrip tersebut dihasilkan oleh 31 peserta dari pelbagai universiti awam yang menyertai bengkel tersebut yang mana Dr. Halim Razali dari Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berkongsi teknik penukaran tesis kepada buku ilmiah sepanjang bengkel berlangsung.

Dr. Halim berkata, penghasilan sesebuah buku ilmiah daripada tesis memerlukan komitmen yang tinggi dan kreativiti supaya tesis dapat ditransformasikan kepada buku yang dapat difahami pembaca.

“Penghasilan buku daripada sebuah tesis merupakan satu keperluan kerana jumlah buku rujukan daripada kajian ilmiah dalam pasaran amat membimbangkan bagi sesetengah bidang subjek.

“Dengan menggunakan kaedah *Halim Razali Strategic Theory* (HRST) ini dapat memudah dan mempercepatkan penukaran tesis kepada buku ilmiah,” katanya yang pernah memenangi pelbagai anugerah penulisan buku ilmiah.

Selain UUM, antara universiti awam lain yang turut serta adalah dari Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.